A Singapore Government Agency Website. Beware of government impersonation scams. How to identify



Government officials will never ask you to transfer money or disclose bank log-in details over a phone call.
Call the 24/7 ScamShield Helpline at 1799 if you are unsure if something is a scam.



# Balai raya, surau untok pendudok Kg. Ulu Langat

Berita Harian, 9 October 1964, Page 7



# Balai raya, surau untok pendudok Kg. Ulu Langat

KAJANG, Khamis.

KERAJAAN Selangor telah membena sa-buah balai raya yang berharga sa-banyak $30,000 dan sa-buah surau yang berharga $14,000 di-Kampong Ulu Langat dan di-jangka akan siap pada penghujong bulan October ini.

Ahli Dewan Negeri Selangor Inche' Mohd Nasir bin Abdul Jalil memberi tahu Berita Harian bahawa balai raya ini di-bena di-Pekan Ulu Langat untok kegunaan sa-ramai 8,000 orang pendudok di-mukim ini.

Ini-lah balai raya yang ke-25 di-bena oleh kerajaan Selangor di-bawah Ranchangan Pembangunan Luar Bandar

Inche' Nasir juga menerangkan bahawa Jabatan Haiwan Negeri Selangor telah memberi sa-banyak 90 ekor kerbau pawah kapada pendudok mukim ini

## Pusat

Pendudok2 yang menerima

Penduduk2 yang menerima kerbau itu ia-lah pendudok2 kampong Kuala Pangsun sa-banyak 20 ekor, Sungai Lui sa-banyak 25 ekor Kuala Perdek sa-banyak 20 ekor dan Sungai Serai 20 ekor.

Sa-banyak 3 buah Pusat Kesehatan akan di-bena oleh Jabatan Kesihatan Selangor pada bulan November ini.

Pusat2 ini akan di-bena di-Pekan Ulu Langat di-Kampong Baharu China Balakong dan juga di-Kampong Sungai Merab.

NLB

Contact Us Feedback FAQ

Report Vulnerability Terms of Use Linking Disclaimer Privacy Statement Takedown Policy

©2025 Government of Singapore
Last Updated 2023-01-31